



# POLISI

## ADUAN DAN SIASATAN INTEGRITI



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI MELAKA  
(PLANMalaysia Melaka)

ISI ▷

# kandungan

1	Pendahuluan	1
2	Tujuan	2
3	Siapa Yang Boleh Buat Pendedahan?	3
4	Bila Pendedahan Boleh Dibuat?	4
5	Prosedur Aduan & Siasatan Integriti	5
6	Perlindungan	6
7	Kewajipan Untuk Melaporkan Transaksi Penyogokan	7

# Pendahuluan



JPBDM **komited terhadap nilai-nilai ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban** dalam mengendalikan urusan rasmi jabatan. Kesalahan seperti penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut mekanisme dalaman.



JPBDM **menggalakkan komunikasi terbuka dan budaya kerja yang jujur** dengan mewujudkan prosedur-prosedur bagi menangani masalah. Polisi ini juga menjadi pelengkap kepada saluran aduan sedia ada.



Menggalakkan **warganya mencapai tahap etika pematuhan undang-undang yang tinggi** kerana polisi ini menunjukkan komitmen jabatan dan warganya dalam mencapai tahap tersebut.



**Mengintegrasikan polisi ini ke dalam amalan dan budaya kerja** membantu dan menghalang penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan dan kesilapan pengurusan.

## WHISTLE BLOWING



01

Untuk memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh tanggungjawab dan mengikut prosedur



02

Untuk **menangani sesuatu pendedahan** dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini ditangani, ianya akan diberi keutamaan mengikut sifat atau keseriusan salah laku atau risiko yang dilaporkan dan impak dari pendedahan ini.




03

Untuk **melindungi Pemberi Maklumat** dari sebarang tindak balas akibat dari pendedahan yang dibuatnya dan melindungi maklumat peribadi beliau.



04

Untuk **berlaku adil** terhadap Pemberi Maklumat dan pesalah yang dilaporkan. Pemberi Maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau. Pesalah tersebut juga akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar "**perlu tahu**" sahaja.




**AKTA  
SPRM  
(2009)**



EDUP2932 PROFESIONALISME NEGURUAN

# Siapa Yang Boleh Buat Pendedahan?

Pendedahan mengenai perkara penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan dan kesilapan pengurusan boleh dilakukan oleh **warga JPBDM, pihak luar yang berurusan dengan JPBDM atau orang awam terhadap anggota JPBDM.**



4

## Bila Pendedahan Boleh Dibuat?

Pemberi Maklumat harus tampil dengan apa-apa maklumat sama ada **secara lisan atau dokumen** di mana, **dengan niat baik dan berasaskan alasan yang munasabah**, beliau percaya yang sesuatu kesalahan/salah laku dijangka berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku




01

Pendedahan boleh dibuat oleh Pemberi Maklumat pada **bila-bila masa selepas mendapat maklumat** atau dokumen yang berkenaan.




02

Sekiranya Pemberi Maklumat **pernah atau sedang terlibat dalam kesalahan/ salah laku** bagi pendedahan yang akan dibuat oleh beliau, Pemberi Maklumat perlu membuat pendedahan dan pengakuan dengan sukarela dan Pemberi Maklumat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk dilindungi di bawah polisi ini.



03

# Prosedur Aduan Dan Siasatan Integriti



# Perlindungan



Pemberi Maklumat akan **dilindungi** dari tindak balas dalaman JPBDM sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya.

**1**



**Identiti dan maklumat** Pemberi Maklumat akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai “**Rahsia**”.

**2**



Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada **dasar “perlu tahu”** sahaja.

**3**



Satu **tindakan balas dalaman** bermaksud langkah-langkah disiplin, penurunan jawatan, pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan, penggantungan atau penamatan perkhidmatan (tetap/ kontrak/ sementara/ sambilan) atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan-tindakan ini.

**4**



Jika Pemberi Maklumat membuat permintaan bahawa telah menghadapi tindakan yang memudaratkan sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuannya yang tidak wajar telah diambil atau bakal diambil terhadapnya, agensi penguatkuasaan boleh **menuntut remedi** yang berikut daripada mahkamah seperti ganti rugi atau pampasan/ injuksi/ apa-apa **relief** lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

**5**



# Kewajipan Untuk Melaporkan Transaksi Penyogokan

## AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

25. (1) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberi, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperolehi, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperolehi suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperolehi, suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperolehi, atau cuba memperolehi, suapan daripadanya itu kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.

(4) Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

# POLISI

ADUAN DAN SIASATAN INTEGRITI

PLANMALAYSIA MELAKA